



## KENYATAAN AKHBAR MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA

### **PERMOHONAN PENDAFTARAN DENGAN MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA MENGGUNAKAN SISTEM ATAS TALIAN *MEDICAL REGISTER INFORMATION AND TECHNICAL SYSTEM (MeRITS)***

Adalah dimaklumkan bahawa pengamal perubatan yang ingin membuat urusan pendaftaran dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM) adalah dinasihatkan untuk menggunakan sistem atas talian yang baharu iaitu *Medical Register Information and Technical System (MeRITS)* berkuatkuasa serta-merta. Pengamal - pengamal perubatan hendaklah mendaftar dan mengaktifkan akaun masing-masing di [meritsmmc.moh.gov.my](http://meritsmmc.moh.gov.my) bagi membolehkan mereka untuk mengakses ke dalam sistem tersebut.

Mesyuarat Majlis Perubatan Malaysia (MPM) kali ke-395 yang bersidang pada 21 Januari 2020 telah memutuskan bahawa semua permohonan pendaftaran yang berkaitan dengan MPM harus dilakukan sepenuhnya melalui sistem MeRITS SAHAJA berkuatkuasa **1 MAC 2020**. Permohonan secara manual yang diterima selepas tarikh tersebut tidak lagi akan diterima oleh pihak MPM.

Untuk sebarang maklumat lanjut, pengamal perubatan boleh menghubungi pihak sekretariat MPM melalui emel di [admin mmc@moh.gov.my](mailto:admin mmc@moh.gov.my) atau di talian 03-26912171.

Sekian, terima kasih.

**DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH  
PRESIDEN MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA**

**31 JANUARI 2020**